



23 JUN, 2025

Lembu baka Charolais ceriakan ibadat korban di Masjid Othmaniah

Utusan Malaysia, Malaysia



Lembu baka Charolais ceriakan ibadat korban di Masjid Othmaniah

TENAGA Nasional Berhad (TNB) menyerah lembu baka Charolais untuk dijadikan ibadat korban kepada pihak pengurusan Masjid Othmaniah Kampung Batu 3, Jalan Jeniang, Gurun, Kedah melalui Pertubuhan Kebajikan Darul Ikhlas Gurun, baru-baru ini.

Seorang peserta, Siti Aminah Ahmad Idris, 69, dari Pusat Jagaan Darul Hanan Kepala Batas, Pulau Pinang yang sebelum ini pernah tinggal di kariah masjid itu dan tidak pernah melakukan ibadah korban seumur hidup kerana tiada kemampuan ekonomi

turut dipilih menyertainya.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Darul Ikhlas Gurun, Mohd. Azwan Jamaludin berkata, warga emas tersebut begitu gembira kerana namanya turut disenarai dan dipersetujui oleh Imam Masjid itu, Mohammad Shafarin Dak bagi menyertai ibadat korban tersebut.

■ MOHD. Azwan Jamaludin (tengah) menerima lembu baka jenis Charolais untuk dijadikan ibadat korban di Masjid Othmaniah Kampung Batu 3, Jalan Jeniang, Gurun, Kedah, baru-baru ini.

